BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
September 2020

Inflasi keseluruhan kekal tidak berubah pada -1.4% pada bulan September

Sumbangan kepada Inflasi



- Inflasi keseluruhan stabil pada bulan September, mencerminkan inflasi makanan segar yang lebih tinggi, namun diimbangi oleh inflasi bahan api yang lebih rendah.
- Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, menjadi sederhana sedikit kepada 1.0% (Ogos: 1.1%).
- Inflasi teras menurun disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah bagi perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan serta pelbagai barangan dan perkhidmatan.

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

IPI keseluruhan menjadi sederhana pada bulan Ogos

Sumbangan kepada IPI Keseluruhan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Indeks Pengeluaran Perindustrian (Industrial Production Index, IPI) keseluruhan terus meningkat pada bulan Ogos 2020, meskipun pada kadar yang lebih sederhana (0.3%; Julai: 1.2%). Sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan positif, disokong oleh prestasi yang kukuh dalam industri E&E dan perkilangan peralatan pengangkutan.
- Industri E&E terus berkembang pada 6.9%, melebihi purata jangka panjang (purata 2016–2019: 6.0%) kerana industri ini sedang meraih manfaat daripada pesanan yang tertunggak dan aktiviti yang dibuat lebih awal disebabkan oleh ketegangan perdagangan yang berterusan. Selain itu, prestasi yang kukuh dalam perkilangan peralatan pengangkutan adalah disebabkan terutamanya oleh pengecualian cukai jualan bagi kereta penumpang.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus meningkat

Pinjaman Terkumpul[1] dan Bon Korporat



- Pertumbuhan pembiayaan bersih meningkat kepada 4.4% pada bulan September (Ogos: 4.2%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan bon korporat terkumpul yang lebih tinggi (September: 4.3%, Ogos: 3.9%). Terbitan bon korporat meningkat pada bulan itu, mencerminkan terbitan yang besar oleh entiti berkaitan dengan Kerajaan.
- Pinjaman terkumpul terus berkembang sebanyak 4.4% (Ogos: 4.4%). Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman isi rumah sebanyak 5.2% (Ogos: 4.8%) berikutan pengeluaran pinjaman yang berterusan untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang.
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terus sederhana kepada 2.7% (Ogos: 3.3%) ekoran penguncupan pengeluaran pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan bayaran balik pinjaman.

[1] Merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [tidak termasuk institusi kewangan pembangunan (IKP)].

Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan September



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Prestasi pasaran kewangan domestik yang bercampur-campur pada bulan September, didorong oleh gabungan faktor dalam dan luar negara.
- Pada peringkat global, jangkaan terhadap dasar monetari yang akomodatif dan berpanjangan dalam ekonomi maju secara amnya menyokong aktiviti mencari keuntungan di rantau ini. Hal ini menyebabkan aliran masuk bukan pemastautin ke dalam pasaran bon domestik dan kadar pertukaran menambah nilai sebanyak 0.4% pada bulan September.
- Pasaran bon kerajaan terus disokong oleh aliran masuk ini, manakala kadar hasil MGS 10-tahun meningkat sebanyak 4.5 mata asas.
- FBM KLCI menyusut sebanyak 1.3% pada bulan September, sejajar dengan penurunan yang menyeluruh dalam pasaran ekuiti global. Sentimen pasaran ekuiti menjadi berhati-hati berikutan jangkaan sekatan pergerakan kali kedua di Eropah dan kebuntuan politik berhubung dengan pakej rangsangan fiskal AS yang seterusnya mendorong kebimbangan terhadap pemulihan ekonomi global.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

Nisbah Kecukupan Modal



[1]Merujuk jumlah modal melebihi tahap pengawalseliaan minimum, serta termasuk penampan pengekalan modal (2.5%) dan keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi
Sumber: Bank Negara Malaysia

- Sistem perbankan terus berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan serta terus menyokong aktiviti pengantaraan dengan paras permodalan yang kekal kukuh.
- Pada bulan September 2020, lebihan penampan modal bank-bank berjumlah RM123.7 bilion.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 10/20/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 30 Oktober 2020

SOROTAN BULANAN – SEPTEMBER 2020

Inflasi keseluruhan kekal tidak berubah pada -1.4% pada bulan September

- Inflasi keseluruhan stabil pada bulan September, mencerminkan inflasi makanan segar yang lebih tinggi, namun diimbangi oleh inflasi bahan api yang lebih rendah.
- Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, menjadi sederhana sedikit kepada 1.0% (Ogos: 1.1%).
- Inflasi teras menurun disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah bagi perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan serta pelbagai barangan dan perkhidmatan.

IPI keseluruhan menjadi sederhana pada bulan Ogos

- Indeks Pengeluaran Perindustrian (Industrial Production Index, IPI) keseluruhan terus meningkat pada bulan Ogos 2020, meskipun pada kadar yang lebih sederhana (0.3%; Julai: 1.2%). Sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan positif, disokong oleh prestasi yang kukuh dalam industri E&E dan perkilangan peralatan pengangkutan.
- Industri E&E terus berkembang pada 6.9%, melebihi purata jangka panjang (purata 2016–2019: 6.0%) kerana industri ini sedang meraih manfaat daripada pesanan yang tertunggak dan aktiviti yang dibuat lebih awal disebabkan oleh ketegangan perdagangan yang berterusan. Selain itu, prestasi yang kukuh dalam perkilangan peralatan pengangkutan adalah disebabkan terutamanya oleh pengecualian cukai jualan bagi kereta penumpang.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus meningkat

- Pertumbuhan pembiayaan bersih meningkat kepada 4.4% pada bulan September (Ogos: 4.2%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan bon korporat terkumpul yang lebih tinggi (September: 4.3%, Ogos: 3.9%). Terbitan bon korporat meningkat pada bulan itu, mencerminkan terbitan yang besar oleh entiti berkaitan dengan Kerajaan.
- Pinjaman terkumpul terus berkembang sebanyak 4.4% (Ogos: 4.4%). Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman isi rumah sebanyak 5.2% (Ogos: 4.8%) berikutan pengeluaran pinjaman yang berterusan untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang.
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terus sederhana kepada 2.7% (Ogos: 3.3%) ekoran penguncupan pengeluaran pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan bayaran balik pinjaman.

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur

- Prestasi pasaran kewangan domestik yang bercampur-campur pada bulan September, didorong oleh gabungan faktor dalam dan luar negara.
- Pada peringkat global, jangkaan terhadap dasar monetari yang akomodatif dan berpanjangan dalam ekonomi maju secara amnya menyokong aktiviti mencari keuntungan di rantau ini. Hal ini menyebabkan aliran masuk bukan pemastautin ke dalam pasaran bon domestik dan kadar pertukaran menambah nilai sebanyak 0.4% pada bulan September.
- Pasaran bon kerajaan terus disokong oleh aliran masuk ini, manakala kadar hasil MGS 10-tahun meningkat sebanyak 4.5 mata asas.
- FBM KLCI menyusut sebanyak 1.3% pada bulan September, sejajar dengan penurunan yang menyeluruh dalam pasaran ekuiti global. Sentimen pasaran ekuiti menjadi berhati-hati berikutan jangkaan sekatan pergerakan kali kedua di Eropah dan kebuntuan politik berhubung dengan pakej rangsangan fiskal AS yang seterusnya mendorong kebimbangan terhadap pemulihan ekonomi global.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

- Sistem perbankan terus berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan serta terus menyokong aktiviti pengantaraan dengan paras permodalan yang kekal kukuh.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

- Pada bulan September 2020, lebihan penampan modal bank-bank[1] berjumlah RM123.7 bilion.

Bank Negara Malaysia

30 Oktober 2020

[1] Merujuk jumlah modal melebihi tahap pengawalseliaan minimum, serta termasuk penampan pengekalan modal (2.5%) dan keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 10/20/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 30 Oktober 2020

SOROTAN BULANAN – SEPTEMBER 2020

Inflasi keseluruhan kekal tidak berubah pada -1.4% pada bulan September

- Inflasi keseluruhan stabil pada bulan September, mencerminkan inflasi makanan segar yang lebih tinggi, namun diimbangi oleh inflasi bahan api yang lebih rendah.
- Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, menjadi sederhana sedikit kepada 1.0% (Ogos: 1.1%).
- Inflasi teras menurun disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah bagi perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan serta pelbagai barangan dan perkhidmatan.

IPI keseluruhan menjadi sederhana pada bulan Ogos

- Indeks Pengeluaran Perindustrian (Industrial Production Index, IPI) keseluruhan terus meningkat pada bulan Ogos 2020, meskipun pada kadar yang lebih sederhana (0.3%; Julai: 1.2%). Sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan positif, disokong oleh prestasi yang kukuh dalam industri E&E dan perkilangan peralatan pengangkutan.
- Industri E&E terus berkembang pada 6.9%, melebihi purata jangka panjang (purata 2016–2019: 6.0%) kerana industri ini sedang meraih manfaat daripada pesanan yang tertunggak dan aktiviti yang dibuat lebih awal disebabkan oleh ketegangan perdagangan yang berterusan. Selain itu, prestasi yang kukuh dalam perkilangan peralatan pengangkutan adalah disebabkan terutamanya oleh pengecualian cukai jualan bagi kereta penumpang.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus meningkat

- Pertumbuhan pembiayaan bersih meningkat kepada 4.4% pada bulan September (Ogos: 4.2%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan bon korporat terkumpul yang lebih tinggi (September: 4.3%, Ogos: 3.9%). Terbitan bon korporat meningkat pada bulan itu, mencerminkan terbitan yang besar oleh entiti berkaitan dengan Kerajaan.
- Pinjaman terkumpul terus berkembang sebanyak 4.4% (Ogos: 4.4%). Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman isi rumah sebanyak 5.2% (Ogos: 4.8%) berikutan pengeluaran pinjaman yang berterusan untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang.
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terus sederhana kepada 2.7% (Ogos: 3.3%) ekoran penguncupan pengeluaran pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan bayaran balik pinjaman.

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur

- Prestasi pasaran kewangan domestik yang bercampur-campur pada bulan September, didorong oleh gabungan faktor dalam dan luar negara.
- Pada peringkat global, jangkaan terhadap dasar monetari yang akomodatif dan berpanjangan dalam ekonomi maju secara amnya menyokong aktiviti mencari keuntungan di rantau ini. Hal ini menyebabkan aliran masuk bukan pemastautin ke dalam pasaran bon domestik dan kadar pertukaran menambah nilai sebanyak 0.4% pada bulan September.
- Pasaran bon kerajaan terus disokong oleh aliran masuk ini, manakala kadar hasil MGS 10-tahun meningkat sebanyak 4.5 mata asas.
- FBM KLCI menyusut sebanyak 1.3% pada bulan September, sejajar dengan penurunan yang menyeluruh dalam pasaran ekuiti global. Sentimen pasaran ekuiti menjadi berhati-hati berikutan jangkaan sekatan pergerakan kali kedua di Eropah dan kebuntuan politik berhubung dengan pakej rangsangan fiskal AS yang seterusnya mendorong kebimbangan terhadap pemulihan ekonomi global.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

- Sistem perbankan terus berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan serta terus menyokong aktiviti pengantaraan dengan paras permodalan yang kekal kukuh.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

- Pada bulan September 2020, lebihan penampan modal bank-bank[1] berjumlah RM123.7 bilion.

Bank Negara Malaysia

30 Oktober 2020

[1] Merujuk jumlah modal melebihi tahap pengawalseliaan minimum, serta termasuk penampan pengekalan modal (2.5%) dan keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my